

26/01/2001

IPF perlu timbang masuk MIC

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF) perlu menimbangkan kemasukan ahlinya dalam MIC bagi menyatukan semula kaum India.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu juga akan memudahkan Barisan Nasional (BN) yang tidak dapat menerima parti itu menyertai BN tanpa persetujuan semua ahli komponen.

Beliau berkata, BN memang berharap Presiden IPF, Datuk M G Pandithan dan pengikutnya menyertai MIC bagi mengukuhkan semula perpaduan kaum India yang berpecah kerana menjadi ahli kedua-dua parti berkenaan.

"Samy Vellu (Presiden MIC) sanggup terima balik Pandithan menjadi ahli MIC dan memberi layanan yang baik kepadanya.

"Kita tak dapat menerima IPF dalam BN kerana kita perlu dapat persetujuan seluruh anggota BN, barulah mana-mana parti baru boleh diterima.

"Sebab itulah walaupun IPF meminta dah lama nak masuk BN dan mereka menyokong BN ketika pilihan raya, malangnya kita tak nak terima masuk sebagai anggota.

"Kalau IPF ingin menyertai MIC itu lebih mudahlah bagi kita. Sebab itu kita mengalu-alukan penyertaan Pandithan dan ahli IPF dalam MIC supaya dicantumkan balik kaum India," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di majlis rumah terbuka Aidilfitri anjuran Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pandithan pernah menjadi Naib Presiden MIC, tetapi dipecat pada 1 Disember 1988 kerana perbezaan pendapat dan perselisihan faham dengan Samy yang membawanya menubuhkan IPF pada 1990 dan kini dikatakan mempunyai 200,000 ahli.

IPF yang tetap menyokong BN dan Dr Mahathir telah berusaha untuk menyertai BN sejak 1995, tetapi menemui jalan buntu yang mengikut Pandithan ekor tentangan MIC.

Ditanya adakah kaum India di negara ini turut menghadapi masalah perpaduan sesama mereka, beliau berkata:

"Kalau mereka tak bersatu, maknanya berpecahlah. MIC adalah India dan IPF juga India," katanya.

Mengenai kemungkinan Pas menyertai semula BN berikutan perbincangan penyatuan Melayu membabitkan kedua-dua parti tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata Umno tidak akan menghalang penyertaan Pas dalam BN jika ia diterima oleh parti komponen lain.

"Saya tidak fikir (Pas akan menyertai semula BN), tapi hakikatnya kalau Pas nak masuk BN terpulang kepada parti-parti komponen lain...Umno tak akan menghalang," katanya.

Ditanya kemungkinan Umno mempelawa ahli Pas menyertai parti itu seperti yang dilakukan MIC kepada Pandithan dan ahli IPF, Dr Mahathir berkata Umno membuka pintunya kepada sesiapa saja.

"Saya tak fikir Pas akan bubar parti dan masuk Umno. Tapi kalau orang Pas nak masuk Umno kita terima. Selama inipun ramai pemimpin dan ahli Pas menyertai Umno. Kita bersikap terbuka," katanya.

Ditanya sama ada perbincangan Umno-Pas mungkin sebagai langkah permulaan ke arah penyertaan semula Pas dalam BN, Dr Mahathir berkata ia bergantung

kepada pendirian parti masing-masing.

"Kita sedang berusaha menentukan tarikh dan tempat. Kita nak bermuzakarah dengan dia (Pas). Kita nak dengar pendapat dia, jadi kita tak boleh nak bercakap sekarang sebelum kita jumpa," katanya.

(END)